

23 JUN 2002
SNAP-EGM/I
11 OGOS TARIKH EGM SNAP

KUCHING, 23 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Kebangsaan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) hari ini sebulat suara meluluskan 11 Ogos sebagai tarikh mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) parti itu.

Enam puluh daripada 82 bahagian menyokong usul mengadakan EGM itu.

Majlis Kebangsaan memberi mandat kepada Tinggom untuk memangku jawatan presiden manakala Datuk William Mawan dilantik sebagai naib presiden kanan dan Dr Judson Tagal pula sebagai setiausaha agung parti.

Majlis Kebangsaan mengisytiharkan mesyuarat eksekutif pusat (CEC) pada 20 April dan 7 Jun yang dipengerusikan oleh presiden parti, Datuk Amar James Wong, sebagai batal dan tidak sah tetapi meluluskan mesyuarat CEC yang dipengerusikan oleh kumpulan Tinggom pada 29 Mei.

Tinggom memberitahu sidang media kemudian bahawa mereka akan melantik anggota lain bagi mengisi kekosongan jawatan Mawan dan Dr Judson.

Majlis juga menerima semula Anggota Parlimen Bintulu Datuk Seri Tiong King Sing sebagai anggota parti. Dia dipecat oleh Wong pada Mei kerana gagal menunaikan janji pilihan raya.

Tinggom berkata majlis itu meluluskan usul berdasarkan Artikel 8 perlembagaan parti bagi mencela Wong, naib presiden kanan Richard Wong, setiausaha agung, Datuk Justine Jinggut, timbalan setiausaha agung (Stanley Jugol) dan pembantu setiausaha agung Dennis Liew.

Mereka mendakwa bahawa kelima-lima pemegang jawatan itu hanya berminat untuk meneruskan penguasaan Wong tetapi gagal menjalankan tugas masing-masing berdasarkan perlembagaan dan tidak dapat menyelesaikan krisis kepimpinan yang memburukkan nama parti serta menjejaskan kewibawaan parti.

Tinggom berkata majlis itu hanya memulakan mesyuarat pada pukul 9.30 pagi setelah Wong dan Justine tidak hadir walaupun dijemput.

Katanya kumpulan itu akan memberi Wong dan Justine masa yang mencukupi dalam masa enam minggu akan datang untuk mengosongkan ibu pejabat parti di sini.

"Ia merupakan hal ehwal dalaman parti. Kami tidak akan membawanya ke mahkamah. Saya harap kumpulan Wong tidak akan membawanya ke mahkamah. Itu sebab kami mengadakan mesyuarat majlis kebangsaan bagi menyelesaikan krisis kepimpinan yang menjejaskan parti," katanya.

Mawan berkata jawatankuasa penaja yang diketuai Tinggom akan menyerahkan resolusi majlis kebangsaan hari ini kepada Pendaftar Persatuan serta kepimpinan BN negeri dan persekutuan.

Antara lain, majlis kebangsaan berikrar memberi sokongan penuh supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meneruskan kepimpinan negara.

-- BERNAMA

FLL LAT